

Lelaki mengaku bersalah miliki ganja

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini semalam mengenakan denda RM2,700 atau penjara dua bulan jika gagal membayar, terhadap seorang lelaki berusia 21 tahun kerana memiliki 1.95 gram ganja.

Majistret Nusyaheeqa Nazwa Radzafi menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Daney Seman selepas mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Kesalahan itu dilakukan di hadapan sebuah sekolah menengah awam di Jalan Depo di sini pada kira-kira jam 1.45 pagi, 6 Jun lalu.

Fakta kes mendedahkan bahawa sepasukan polis telah menahan Mohamad Daney kerana disyaki terlibat dalam aktiviti berkaitan dadah.

Hasil pemeriksaan, polis menemui satu paket plastik lutsinar kecil dan sekeping kertas yang dilipat berisi daun kering yang disyaki ganja.

Tertuduh kemudiannya ditangkap dan bahan berkenaan dirampas.

Laporan kimia kemudian mengesahkan bahan tersebut adalah ganja seberat 1.95 gram.

Timbalan pendakwa raya Chuah Kai Sheng mengendalikan pendakwaan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.